

Kesihatan

TONSILLITIS adalah penyakit radang pada tonsil yang disebabkan oleh jangkitan kuman. Profesor Laringologi yang juga Konsultan Otorinolaringologi, Hospital Canselor Tunku Mukhriz (HCTM), Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Marina Mat Baki berkata, istilah itu diambil daripada perkataan tonsil.

"Tonsil adalah ketulan berbentuk bujur yang berada di kiri dan kanan, bahagian belakang tekak.

"Ia berfungsi memerangkap kuman yang masuk melalui mulut atau hidung yang mana ia adalah sebahagian daripada sistem ketahanan badan. Ia juga membantu dalam melawan jangkitan kuman dan juga mencegahnya," katanya kepada *Mingguan Malaysia* baru-baru ini.

BAGAIMANA KUMAN MENYERANG TONSIL?

Menurut beliau, walaupun tonsil berfungsi sebagai kubu pertahanan yang mencegah dan melawan jangkitan kuman, pada masa sama ia juga sasaran kuman virus atau bakteria.

"Lebih kurang 80 peratus penyakit tonsillitis ini disebabkan oleh kuman virus berbanding bakteria.

"Contoh kuman virus adalah Adenovirus, virus Influenzae, virus Parainfluenzae, virus Respiratory Syncytial dan lain-lain manakala kuman bakteria yang paling kerap menjangkiti tonsil adalah daripada jenis Streptococcus," jelasnya.

SIAPA PALING BERISIKO?

Tonsillitis boleh berlaku pada sesiapa sahaja. Namun, golongan berisiko tinggi ialah kanak-kanak. Ini kerana kuman mudah tersebar di premis-premis tadika, sekolah dan pusat jagaan kanak-kanak.

"Bagi orang dewasa pula, kumpulan yang paling berisiko adalah individu yang terdedah kepada pencemaran udara, menghidap kecing manis, mengambil pil steroid dalam jangka masa lama atau yang mengalami masalah sistem ketahanan badan lemah," jelasnya.

SIMPTOM

Simptom tonsillitis termasuk perit tekak, demam, badan terasa lemah dan benjolan kelenjar di leher.

Marina berkata, pemeriksaan doktor biasanya mendapati, seseorang yang diserang pen-



Pesakit yang mendapat tonsillitis disebabkan bakteria terutamanya jenis Streptococcus, biasanya mengadu sakit tekak yang teruk, demam dengan suhu tinggi dan kelenjar membengkak di leher."

MARINA MAT BAKI

Tonsil sasaran virus, bakteria



yakit ini cenderung mempunyai tonsil yang merah dan bengkak. "Pesakit yang mendapat tonsillitis disebabkan bakteria terutamanya jenis Streptococcus, biasanya mengadu sakit tekak yang teruk, demam dengan suhu tinggi dan kelenjar membengkak di leher.

"Lazimnya, terdapat bintik atau selaput nanah pada tonsil yang bengkak dan merah itu," ujarnya.

BILA PESAKIT PERLU BERJUMPA DOKTOR?

Pada peringkat awal, individu yang mengalami perit tekak dan demam, boleh mengambil ubat demam dan juga ubat untuk mengurangkan perit tekak termasuk dalam bentuk gula-gula

(lozenges) atau ubat semburan tekak (throat spray).

Pesakit juga perlu berehat dan digalakkan mengambil makanan lembut serta yang boleh menyejukkan tekak seperti aiskrim.

"Antibiotik jarang diperlukan kerana kebanyakkan masalah tonsillitis ini adalah disebabkan virus. Antibiotik hanya perlu diambil sekiranya jangkitan bakteria dikenal pasti dan ia memerlukan preskripsi daripada doktor.

"Sekiranya demam terlalu tinggi dan sakit tekak teruk sehingga menyebabkan pengambaran makanan dan minuman berkurangan, seseorang itu harus berjumpa doktor. Antibiotik akan diberi sekiranya doktor mengesyaki jangkitan bakteria," ujarnya.

TIPS TIPS CEGAH DAN RAWAT TONSILLITIS

- » Rehat secukupnya.
- » Banyakkan minum air kosong.
- » Makan makanan sejuk dan lembut.
- » Elakkan makanan keras, berempah, pedas dan panas.
- » Berkumur dengan air garam.
- » Boleh ambil ubat demam dan penahan sakit bagi kurangkan kesakitan.
- » Boleh ambil antibiotik jika jangkitan berpunca dari bakteria.

RAWATAN DAN PENCEGAHAN

Menurut artikel bertajuk Tonsillitis terbitan Jabatan Kesihatan Queensland, Australia rawatan bagi penyakit ini bergantung kepada beberapa faktor.

Jika tonsillitis diakibatkan oleh bakteria, maka rawatan menggunakan antibiotik biasanya akan diambil.

Sebaliknya, jika jangkitan diakibatkan virus, antibiotik tidak berkesan bagi merawatnya.

Oleh itu, seseorang yang dijangkiti tonsillitis akibat serangan virus, biasanya perlu membuat pemeriksaan darah bagi mengenal pasti jenis virus yang menyerang.

Dalam kes tertentu, radang tonsil mungkin boleh berulang. Jika ini berlaku, pembuangan tonsil (tonsilektomi) adalah disyor-